

Paras empangan hampir kritikal

Catuan air akan dilakukan sekiranya tiada hujan di kawasan tadahan air dalam tempoh 20 hari

■ SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN – Kerajaan negeri akan mempertimbangkan untuk melaksanakan catuan bekalan air sekiranya paras air empangan di negeri ini berada di paras kritikal.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, tindakan tersebut akan dilaksanakan jika tiada sebarang hujan dalam masa 20 hari atau dua minggu akan datang di kawasan tadahan air dan empangan masih berada di paras kritikal.

Bagaimanapun katanya, buat masa kini majoriti empangan di negeri ini hanya mampu bertahan tidak sampai 40 hari sebelum sampai ke paras kritikal.

“Keadaan panas yang melampau menyebabkan paras air di beberapa empangan di negeri ini hampir men-



MOHAMAD

cecah ke tahap kritikal kecuali Empangan Gemencheh yang sudah lama berada di paras kritikal.

“Empangan lain seperti Empangan Talang dan Kelinchi mempunyai tempoh masa 25 hari sehingga 35 hari, manakala Empangan Terip boleh bertahan sehingga 40 hari sebelum sampai ke paras kritikal.

“Jika tiada hujan dalam



Empangan Gemencheh yang sudah mencapai paras kritikal.

masa 20 hari ini atau dua minggu akan datang, kemungkinan besar catuan bekalan air akan dibuat, tetapi buat masa ini kita belum sampai ke tahap untuk catu air,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di Wisma Negeri,

di sini semalam.

Mohamad berkata, pelaksanaan catuan bekalan air itu masih lagi dalam kajian dan pihaknya sedang memantau perkara tersebut dengan teliti sebelum sebarang tindakan lanjut dilakukan.

“Jika tadahan air di empangan menunjukkan paras kritikal, kita perlu mengambil langkah susulan untuk memanjangkan tempoh hayat air di empangan agar dapat bertahan sehingga ke musim hujan akan datang.

“Kita juga sedang mengkaji untuk melepaskan air dari empangan Talang bagi membantu meningkatkan paras air di Sungai Ulu Muar yang semakin menurun,” katanya.

Menurutnya, terdapat beberapa rumah pam yang sudah tidak berupaya untuk mengempam air disebabkan paras air sungai terlalu sedikit sehingga alat pam itu tergantung.

“Saya menasihatkan masyarakat agar menggunakan air secara berhemah dan elakkan sebarang pembaziran air di waktu tempoh musim panas yang dijangka akan berlarutan sehingga bulan Mei ini,” katanya.

Sementara itu, beliau meminta semua masjid di negeri ini mengadakan solat hajat pada Jumaat ini bagi memohon hujan untuk membantu meningkatkan paras air di empangan negeri ini.